



1075 TADABBUR AL-QURAN: ANALISA TERHADAP PERSEPSI PELAJAR DI MAAHAD TAHFIZ SELANGOR

Mardhiah Yahaya
Rohana binti Zakaria
Noorhafizah binti Mohd Haridi
Shaharuddin Pangilun
(KUIS)
Hayati binti Husin
(USIM)

Abstrak

Tadabbur al-quran semestinya menjadi mekanisme terpenting dalam membangunkan modal insan khususnya dari aspek kerohanian manusia sekali gus dapat menghindarkan diri mereka daripada terjebak dengan krisis sosial. Artikel ini menganalisa persepsi pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Sains Selangor berkaitan tadabbur al-Quran. Dapatan kajian artikel ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui edaran soal selidik yang di analisis secara deskriptif kepada 103 pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Sains Selangor untuk mendapatkan min dan peratusan. Data kuantitatif kemudiannya dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences 22.0 (SPSS 22.0). Dapatan kajian mendapati pelajar sedar akan kepentingan mentadabbur al-Quran. Di samping itu pelajar juga berusaha untuk terus menghayati dan berusaha untuk memahami ayat al-Quran. Maka jelas membuktikan kesan dari mentadabbur al-Quran ini mampu menaikkan motivasi pelajar dalam menghafaz al-Quran dan menuntut ilmu. Seterusnya dapat merealisasikan matlamat dan objektif pendidikan tahfiz demi melahirkan huffaz yang cemerlang.

Kata kunci: *al-Quran, tadabbur, tahfiz, tahfidz*

1.0 PENGENALAN

Sejarah membuktikan banyak generasi al-Quran yang telah berjaya apabila umat Islam pernah menguasai sepertiga dunia menerusi ilmu pengetahuan daripada al-Quran. Mereka dihormati dan disegani kerana mempunyai nilai kelimuan, ketamadunan dan kemanusiaan yang tinggi. Hakikat itu berlaku apabila Rasulullah s.a.w. dan para sahabat menjadikan al-Quran al-Karim sebagai paksi dalam kehidupan. Sirah memaparkan pendekatan Rasulullah s.a.w. dan para sahabat ketika berinteraksi dengan ayat-ayat Allah s.w.t adalah begitu mengujakan. Mereka amat terkesan dengan didikan dan asuhan al-Quran melalui contoh nyata yang dibuktikan oleh Rasulullah s.a.w. Pelbagai kisah para sahabat dan salafussoleh turut direkodkan berkenaan reaksi



mereka dengan al-Quran. Kisah-kisah tersebut jelas menggambarkan amalan tadabbur amat sehati dalam kehidupan mereka dan meninggalkan kesan terhadap jiwa.

Tadabbur merupakan amalan penting yang digesa oleh Allah SWT kepada manusia agar segala tuntutan al-Quran dilaksanakan. Jika dicermati, perbuatan tadabbur dikhususkan hanya kepada al-Quran, tidak kepada perkara yang lain kerana ini menunjukkan ketinggian mukjizat al-Quran (Nurul Zakirah 2014). Tadabbur menurut al-Lahim (2004) “merupakan penghayatan menyeluruh yang boleh sampai pada makna-makna tersirat daripada kalamullah dan peringatan yang mendalam dan terperinci.

Seiring dengan perkembangan Pendidikan tahfiz al-Quran yang kini begitu pesat di dalam negara kita, tadabbur menjadi antara pelengkap kepada proses hafazan. Perkembangan pendidikan tahfiz ini juga turut berlaku di Negeri Selangor. Sehingga kini, Kerajaan Negeri Selangor sendiri telah mewujudkan 4 buah institusi Maahad Integrasi Tahfiz Sains (MITS) iaitu di daerah Kuala Langat, Klang, Sabak Bernam dan Sepang. Manakala dianggarkan sebanyak 150 institusi tahfiz persendirian yang telah ditubuhkan di Negeri Selangor. Namun hanya 87 institusi tahfiz sahaja yang telah berdaftar dengan Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Selangor (PITAS).

Pengajian tahfiz ini adalah sekolah yang menawarkan sejak tingkatan satu dan Permohonan kemasukan ke Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) meningkat ekoran ramai ibu bapa menyedari kepentingan pendidikan Islam untuk anak mereka. Pembukaan maahad ini amat dinanti-nantikan oleh ibu bapa dan penduduk Selangor yang kini semakin gemar memilih institusi tahfiz sebagai pilihan untuk anak-anak mereka. Permintaan yang tinggi terhadap sekolah menengah agama sebagai kesinambungan kepada pembelajaran agama di sekolah rendah dan Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) membawa kepada pembukaan maahad tahfiz ini.

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Al-Quran memiliki kedudukan yang amat istimewa dalam pemikiran dan kehidupan muslimin sepanjang zaman. Disebabkan keistimewaan itulah, maka pada hari ini didapati permintaan yang amat tinggi dalam kalangan ibu bapa dan masyarakat yang menjadikan madrasah tahfiz dan sekolah agama sebagai pilihan utama bagi anak-anak mereka terhadap pengajian ilmu al-Quran. Walaupun demikian, kita mendapati ada satu perkara yang diabaikan dalam pendidikan tersebut iaitu mentadabburkan al-Quran (Suhaimi 2012).



Sebagai galakan terhadap masyarakat Islam agar terus memberi komitmen terhadap al-Quran, ujian tilawah dan menghafaz al-Quran telah dianjurkan setiap tahun bagi menguji mutu dan kualiti bacaan serta hafalan. Persoalannya dalam suasana yang boleh dikatakan rancak ini, mengapakah umat Islam terpisah jauh daripada ajaran al-Quran. Mereka masih dijerebui dengan pelbagai masalah, bermula daripada krisis kepimpinan, krisis akhlak dan krisis akidah sehinggalah krisis maruah dan rumah tangga (Hasbullah Ali 2003). Memandangkan al-Quran telah pun dijamin kemampuannya untuk membimbing manusia, sudah tentu ada sesuatu yang tidak kena pada cara menghayati al-Quran. Al-Quran adalah petunjuk yang benar, cahaya dan peringatan bagi orang yang mengambil manfaat darinya. Untuk mencapai hasrat tersebut manusia perlu berusaha menyelami dan mentadabbur al-Quran melalui belajar membaca, menghafaz, memahami serta mengamalkannya (Norizah et.al 2014).

Sebahagian besar umat Islam seluruhnya termasuk di Malaysia mempunyai kefahaman yang keliru terhadap pembelajaran al-Quran kerana ia dianggap cukup setakat mengenal huruf dan boleh membacanya sahaja (Mohd Yusuf 2000). Kefahaman ini sangat mengelirukan dan melemahkan pegangan umat Islam terhadap al-Quran. Dengan kefahaman ini usaha mempelajari al-Quran hanyalah untuk mendapat kemahiran membacanya sahaja sehingga tamat.

Kefahaman al-Quran tidak menjadi fokus utama menyebabkan setelah tamat al-Quran, mereka tidak perlu belajar dengan lebih mendalam lagi ilmu-ilmu berkenaan al-Quran. Bahkan ada juga yang menjadikan al-Quran sekadar “kitab berkat”. Mereka membaca dan menghafaz al-Quran bertujuan mendapat berkat, tidak lebih daripada itu dengan membaca atau mengamalkan beberapa potong ayat al-Quran untuk tujuan tertentu. Tidak kurang juga mereka yang membaca al-Quran sekadar memerhatikan lagu bacaan semata-mata tanpa sebarang tadabbur atau penghayatan terhadap kandungan al-Quran al-Karim; kitab mukjizat.

Oleh yang demikian umat Islam tidak dapat menghubungkan kehidupan harian mereka dengan panduan al-Quran kecuali dalam urusan tradisi yang dikaitkan dengan Islam seperti urusan perkahwinan serta pengurusan jenazah. Hasilnya lahirlah anggota masyarakat yang berbangga kerana pernah belajar membaca dan menghafaz al-Quran sedangkan dalam kehidupan harian sama ada percakapan, tindakan dan akhlaknya bertentangan dengan ajaran al-Quran (Mohd Yusuf 2000).

Menurut kajian yang dilakukan oleh Azmil et.al (2013) terhadap 11 buah institusi tahfiz yang melaksanakan kurikulum tahfiz Darul Quran JAKIM mendapati bahawa kaedah kefahaman ayat kurang diberi perhatian sama ada pelajar ataupun guru. Guru kurang memberi penekanan dan penjelasan terhadap kepentingan menghayati dan memahami ayat dalam menghafaz al-Quran. Oleh yang demikian, matlamat dan objektif pendidikan tahfiz tidak akan



tercapai sekiranya kaedah kefahaman ayat atau metode tadabbur tidak diberi perhatian yang sewajarnya.

Selain itu, aspek penerapan nilai dan elemen tadabbur berteraskan al-Quran juga kurang dititikberatkan dalam kurikulum tahfiz al-Quran sebagaimana kajian Azmil (2010) yang mendapati kaedah menerangkan makna kalimah, menghuraikan maksud ayat, menerangkan *asbab nuzul* dan menghuraikan kefahaman ayat amat kurang diberi perhatian oleh pensyarah. Kenyataan ini disokong oleh Abu al-Wafa (1999) bahawa dengan mengetahui makna ayat yang dihafaz dan mengetahui *asbab nuzul* akan membantu pelajar dalam menghafaz dan meyakinkan ingatan. Dalam erti kata lain, kurikulum tahfiz yang dilaksanakan lebih menfokuskan kepada kelancaran bacaan al-Quran berbanding meneroka kefahaman al-Quran dan penerapan nilai melalui ayat yang dibaca. Berasaskan senario tersebut, ia mendorong penyelidikan khusus dilaksanakan terhadap tadabbur dalam kalangan pelajar tahfiz di maahad tahfiz. Kajian ini bertujuan mengenal pasti persepsi pelajar terhadap tadabbur al-Quran untuk melihat kefahaman dan tanggapan pelajar.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

- 3.1 Mengenal pasti tahap pengetahuan tadabbur al-Quran dalam kalangan pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS)
- 3.2 Mengkaji masalah pengetahuan tadabbur al-Quran dalam kalangan pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS)

4.0 PERSOALAN KAJIAN

- 4.1 Apakah tahap pengetahuan tadabbur al-Quran dalam kalangan pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS)
- 4.2 Apakah masalah pengetahuan tadabbur al-Quran dalam kalangan pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS)

5.0 KEPENTINGAN KAJIAN

Para huffaz yang menguasai ilmu ini bukan sahaja akan dapat membaca al-Quran dengan baik malah dapat menghayati dan memahami al-Quran dengan lebih mendalam disamping dapat memelihara al-Quran dari sebarang penyelewengan. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu meningkatkan pengetahuan masyarakat dengan adanya penekanan dan pengukuhan pada para huffaz kerana mereka akan mampu mengaplikasikan dan menyampaikannya kepada masyarakat.



6.0 METODOLOGI KAJIAN

Kaedah penyelidikan yang digunakan haruslah merujuk kepada bagaimana sesuatu maklumat itu diperolehi. Untuk mencapai sesuatu objektif yang telah ditetapkan Perancangan yang bersistematik akan dapat membantu memudahkan segala data dan maklumat dikumpulkan, dianalisis dan dinilai.

1) kajian kuantitatif.

Melalui soal selidik kepada murid

7.0 REKA BENTUK KAJIAN

Reka Bentuk Kajian ini juga berbentuk deskriptif kerana ianya menjelaskan sesuatu kenyataan itu dengan menganalisis sesuatu data itu daripada soal selidik yang dijalankan. Segala pandangan dan data yang diperolehi daripada mereka akan diklasifikasikan mengikut aspek yang telah ditentukan dan kemudian akan dianalisis secara kuantitatif untuk memperolehi maklumat yang sebenarnya.

8.0 INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini adalah bersifat kuantitatif yang akan menggunakan kaedah tinjauan (survey) sebagai metodologi kajian. Soal selidik akan bertindak sebagai instrumen utama bagi kerja-kerja pemerolehan data melalui sampel yang telah dipilih secara rawak bagi mewakili populasi. Instrumen kajian yang akan dibina dan digunakan oleh penyelidik untuk kajian ini ialah borang soal selidik. Ia akan mengambil responden yang terdiri daripada murid-murid di MITS Selangor.

9.0 KAEDAH PERSEMPELAN

Pemilihan responden yang digunakan bagi kajian ini adalah pelajar tingkatan lima aliran tahfiz di tiga mahad tahfiz di selangor iaitu Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) klang, Maahad Intgrasi Tahfiz Selangor (MITS) kuala langat, dan Maahad Intgrasi Tahfiz Selangor (MITS) Sabak Bernam. Pemilihan ini dilakukan kerana bilangan pelajar tingkatan lima aliran tahfiz yang telah tamat hafazan lebih tinggi berbanding pelajar tingkatan lain.

10.0 KAEDAH PERSEMPELAN

Kaedah penganalisan data secara deskriptif merupakan satu teknik penghuraian secara menyeluruh tentang kajian yang dijalankan. Teknik statistik yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah teknik statistik deskriptif. Statistik deskriptif ialah satu



teknik untuk memperihalkan keadaan data yang terdapat pada sampel kajian. Statistik deskriptif menggunakan petunjuk-petunjuk seperti min, sisihan piawai, median. Mod, taburan normal dan skor Z untuk menyatakan ciri-ciri sesuatu variable (Chua Yan Piaw 2013). Namun dalam analisis kajian ini penyelidik akan menggunakan peratusan dan min untuk menginterpretasi data yang telah diperolehi.

Analisis bertujuan mengetahui penerapan elemen tadabbur al-Quran yang diamalkan dalam kalangan pelajar tahfiz di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor. Statistik diskriptif (kekerapan dan peratusan) digunakan untuk menjelaskan profil responden kajian. Statistik deskriptif (min) turut digunakan untuk menentukan tahap interpretasi pelajar terhadap penerapan elemen tadabbur . Seterusnya skor min penerapan elemen tadabbur al-Quran yang telah dirumuskan oleh Nunally telah digunakan. Bagi memudahkan perbincangan, skor-skor min dalam setiap dimensi tersebut telah disusun ikut urutan menurun dari skor min yang paling tinggi kepada skor yang paling rendah.

Jadual Interpretasi skor min bagi melaporkan dapatan deskriptif statistik

Skor Min	Interpretasi
4.01 - 5.00	Tinggi
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
1.01 – 2.00	Rendah

Sumber : Nunally (1978)

11.0 DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan min, peratusan dan interpretasi min bagi terhadap tadabbur al-Quran dari persepsi pelajar bagi keseluruhan item soal selidik. Dapatan menunjukkan bahawa enam item mencatatkan intepretasi min pada tahap tinggi, tujuh item mencatatkan intepretasi min pada tahap sederhana tinggi, tiga item masing-masing mencatatkan intepretasi min pada tahap sederhana rendah dan rendah. Maka jumlah keseluruhan item adalah 19 item.

Persepsi Pelajar	STS	TS	TP	S	SS	Min	Interpretasi
Kepentingan tadabbur al-Quran	0	0	6	22	75	4.67	Tinggi
			5.8%	21.4%	72.8%		



Pelajar seronok menghafaz sambil mentadabbur	1	0	8	26	68	4.55	Tinggi
	1.0%	0%	7.8%	25.2%	66%		
Pelajar suka mencari pengajaran ayat dari ayat yang telah dihafaz	1	1	12	52	37	4.19	Tinggi
	1.6%	1.6%	13.2%	50.4%	35.9%		
Pelajar tidak merasa penting untuk memahami ayat yang telah dihafaz	6	7	20	37	33	3.58	Sederhana Tinggi
	5.8%	6.8%	19.4%	35.9%	32%		
Pelajar takut tersalah faham ketika tadabbur al-Quran	2	4	7	51	39	4.17	Tinggi
	1.9%	3.9%	6.8%	49.5%	37.9%		
Menghafaz beserta makna tidak membebankan pelajar	2	4	23	38	36	3.99	Sederhana Tinggi
	1.9%	3.9%	22.3%	36.9%	35%		
Pelajar suka menghafaz sambil melihat tafsir	1	4	11	34	53	4.25	Tinggi
	1%	3.9%	10.7%	33%	51.5%		
Tadabbur perbuatan yang tidak buang masa	0	9	0	1	93	4.75	Tinggi
	0%	8.7%	0%	1%	90.3%		
Tadabbur al-Quran dijadikan silibus dalam pengajaran	1	0	8	38	56	4.44	Tinggi
	1%	8%	7.8%	36.9%	54.4%		
Keruntuhan akhlak (huffaz) kerana tidak mentadabbur al-Quran	3	1	4	32	63	4.47	Tinggi
	2.9%	1.0%	3.9%	31.1%	61.2%		
Pelajar faham tafsir pada surah-surah tertentu sahaja	0	4	18	67	14	3.88	Sederhana Tinggi
	0%	3.9%	17.5%	65%	13.6%		



Menghafaz sambil memahami tafsir punca ketinggalan silibus	46 44.7%	35 34%	16 15.5%	4 3.9%	2 1.9%	1.84	Rendah
Membaca tafsir bukan ketika menghafaz sahaja	1 8%	5 7%	33 30.2%	47 45.7%	17 15.5%	3.72	Sederhana Tinggi
Pelajar menangis ketika menghafa sambil memahami makna	4 3.9%	6 5.8%	22 21.4%	44 42.7%	27 26.2%	3.82	Sederhana Tinggi
Pelajar menghafaz tanpa melihat tafsir	25 24.3%	49 47.6%	15 14.6%	10 9.7	4 3.9%	2.21	Sederhana Rendah
Mengaplikasikan hafazan dalam percakapan dan perbincangan	1 1.0	7 6.8%	31 30.1%	57 55.3%	7 6.8%	3.60	Sederhana Tinggi
Pelajar mampu memberi maksud pada surah yang telah dihafaz	2 1.9%	6 5.8%	68 66%	26 25.2%	1 1%	3.17	Sederhana Tinggi
Pelajar mengadakan aktiviti tadabbur secara berkumpulan	9 8.7%	36 35%	33 32%	24 23.3%	1 1%	2.73	Sederhana Rendah
Pelajar mampu memebri pengajaran pada surah yang telah dihafaz	1 1%	12 11.7%	45 43.7%	42 40.8%	3 2.9%	3.33	Sederhana Tinggi
Min keseluruhan						3.75	Sederhana Tinggi

Item yang mendapat intepretasi min pada tahap tinggi ialah Kepentingan tadabbur al-Quran (min=4.67), item Pelajar seronok menghafaz sambil mentadabbur (min=4.55), item Keruntuhan akhlak (huffaz) kerana tidak mentadabbur al-Quran (min=4.47), item Tadabbur al-Quran dijadikan silibus dalam pengajaran (min=4.44), item Pelajar suka mencari pengajaran ayat dari ayat yang telah dihafaz (min=4.19), item pelajar takut tersalah faham ketika tadabbur



al-Quran (min=4.17), pelajar suka menghafaz sambil melihat tafsir (min=4.25), dan tadabbur perbuatan yang tidak buang masa (min=4.75), .

Manakala item yang mendapat intepretasi min sederhana tinggi ialah menghafaz beserta makna tidak membebankan pelajar (min=3.99), item pelajar memahami tafsir pada surah-surah tertentu sahaja (3.88), item Membaca tafsir bukan ketika menghafaz sahaja (min=3.72), item pelajar menangis ketika menghafaz sambil memahami makna (min=3.82), item mengaplikasikan hafazan dalam percakapan dan perbincangan (min=3.60), item pelajar mampu memberi maksud pada surah yang telah dihafaz (min=3.17) dan item pelajar mampu memberi pengajaran pada surah yang telah dihafaz (min=3.33).

Item pelajar tidak merasa penting untuk memahami ayat yang telah dihafaz (min=2.18), item pelajar mudah menghafaz tanpa melihat tafsir (min=2.21) dan item pelajar mengadakan aktiviti tadabbur secara berkumpulan (min=2.73) masing-masing di dalam min intepretasi tahap sederhana rendah. Item yang mendapat intepretasi min tahap rendah pula ialah item pelajar tertekan menghafaz sambil melihat tafsir (min=1.70), item menganggap tadabbur perbuatan yang buang masa (min=1.12), dan item menghafaz sambil memahami tafsir punca ketinggalan silibus (min=1.84).

12.0 PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar sedar akan kepentingan tadabbur al-Quran pada mereka yang sedang melalui proses menghafaz al-Quran. Hal ini menjadikan mereka berusaha mencari pengajaran ayat al-Quran yang mereka hafaz. Bukan itu sahaja, malah mereka rasa seronok menghafaz sambil mentadabbur al-Quran. Ciri-ciri ini menunjukkan hikmah yang terbesar buat mereka yang menghafaz al-Quran sekaligus menggambarkan pelajar-pelajar ini cinta akan ilmu dan sifat mendalam dalam mencari ilmu. Impak dari kesungguhan ini maka akan terbentuk remaja belia yang mempunyai nilai-nilai yang penting dalam individu muslim (Hasrul Shuhari, 2015). Selain itu, pelajar pelajar juga berpendapat bahawa punca keruntuhan akhlak ini dalam kalangan huffaz kerana tidak mentadabbur al-Quran. Maka ini terbukti bahawa penurunan al-Quran membawa kepada pembinaan tamadun manusia serta mendidik manusia (Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf dan Abdul Fatah, 2012)

Justeru, atas dasar merasakan pentingnya mentadabbur al-Quran, pelajar merasakan ingin menjadikan tadabbur al-Quran sebahagian dari silibus dalam kurikulum mereka. Ini kerana, mereka takut jika mereka akan melakukan atau tersalah faham dalam mengaplikasikan apa yang telah mereka faham dari mentadabbur al-Quran tersebut. Tuntas, perintah untuk mentadabbur al-Quran telah bayak disebut tanpa perlu diragui dan mempunyai banyak kelebihan dan keutamaan antaranya ialah memberikan pengaruh positif kepada pembaca pendengar malah orang munafiq (Abas Asyafah, 2014).

Dapatan kajian juga mendapati pelajar mencari pelajar cuba mengaplikasikan ilmu yang mereka peroleh dari tadabbur dalam percakapan dan perbincangan. Bukan itu sahaja malah mereka juga mampu memberi maksud dan pengajaran ayat pada surah-surah yang telah



mereka hafaz. Bukti yang menunjukkan kefahaman yang tinggi dalam diri pelajar-pelajar ini apabila dalam dapatan kajian ini mendapati mereka menangis ketika memahami ayat al-Quran yang mereka hafaz. Maka benarlah seperti mana yang disebut di dalam al-Quran firmannya :

سُنُرِيهِمْ ءَايَاتِنَا فِي الْآفَاقِ وَفِي أَنفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ الْحَقُّ ۗ أَوَلَمْ يَكْفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُ

عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ

Terjemahannya:

Kami akan memperlihatkan kepada mereka tanda-tanda (kekuasaan) Kami di segala wilayah bumi dan pada diri mereka sendiri, hingga jelas bagi mereka bahwa al-Quran itu adalah benar. Tiadakah cukup bahwa sesungguhnya Tuhanmu menjadi saksi atas segala sesuatu?

(al-Fussilat:53)

Dapatan juga menunjukkan bahawa mentadabbur al-Quran dapat membantu pelajar menghafaz al-Quran. ini kerana pelajar tidak bersetuju dengan melihat makna ketika menghafaz bukan punca kepada mereka tercicir dalam hafazan. Malah mereka rasa bersalah jika tidak memahami ayat al-Quran yang mereka hafaz. Mereka juga meyakini bahawa usaha untuk memahami dan mentadabbur al-Quran bukanlah perkara yang sia-sia.

Ironinya, persepsi pelajar terhadap tadabbur al-Quran sangat baik hasil dari intepretasi tahap min sederhana tinggi. Jelas mendapati pelajar sangat mengambil berat tentang tadabbur al-Quran malah mereka juga sangat menghayati isi kandungan al-Quran yang mereka telah hafaz. Kemenjadian ini yang dituntut dan ditunggu agar huffaz-huffaz yang lahir bukan sahaja cemerlang dari sudut hafazan malah dapat mengaplikasikan roh-roh kemanisan yang terdapat di dalam isi kandungan al-Quran. Walaubagaimanapun, beberapa aspek perlu di ambil berat iaitu melakukan aktiviti tadabbur al-Quran secara berkumpulan kerana hal ini akan lebih menarik dan membantu dalam berkumpulan atau lebih dikenali sebagai pembelajaran komperatif. Banyak kajian telah membuktikan bahawa pembelajaran komperatif mampu memberi kesan yang baik terhadap pencapaian, motivasi dan sikap pelajar (Bhavani Somasundram & Zamri Mahamod 2017, Hasliza 2012, Christina 2009, Ariegusrini Agus & Mohamad Johdi Salleh 2009).

13.0 PENUTUP



Justeru, mentadabbur al-Quran merupakan proses yang amat penting dan perlu diperkasa di setiap institusi tahfiz. Sehubungan dengan itu, paradigma pendidikan dalam al-Quran juga tidak lepas dari tujuan Allah menciptakan manusia itu sendiri iaitu penyerahan diri secara ikhlas kepada Pencipta yang terarah kepada tercapainya kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat sebagaimana firman Allah (al-Zariyyat 51: 56) yang bermaksud “ Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.” Ternyata Untuk mendalami isi ayat isi tidak lain dan tidak bukan melalui tadabbur. Seterusnya dapat melahirnya generasi al-Quran yang dapat menjadi contoh dan teladan buat semua umat di dunia.

RUJUKAN

al-Quran al-Karim

- Abas Asyafah. 2014. KONSEP TADABUR AL-QURAN. Cetakan Ke 2. CV. MAULANA MEDIA GRAFIKA. Bandung
- Ariegusrini Agus, Mohamad Johdi Salleh. 2009. KAEDAH KUMPULAN KECIL DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEJARAH. Strategi dan Model Pembelajaran Sejarah. Penerbitan Bersama: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi; dan, FKIP, Universitas Riau, Pekanbaru Indonesia. Hlm. 179 – 186. ISBN 978-602-8025-28-7.
- Bhavani Somasundram & Zamri Mahamod. 2017. KEBERKESANAN PEMBELAJARAN KOPERATIF TERHADAP PENCAPAIAN DAN MOTIVASI MURID SEKOLAH MENENGAH DALAM PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ). <http://journalarticle.ukm.my>
- Chua Yan Piaw. 2013. KAEDAH PENYELIDIKAN. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Christina Lau Chui Jin. 2009. KEBERKESANAN PENGGUNAAN KAEDAH PEMBELAJARAN KOPERATIF PERMAINAN PANGGIL NOMBOR (NHT) DALAM PROSES PEMBELAJARAN SAINS TAHUN EMPAT DI KUCHING. Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012, ms.210-222. Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan PISMP SN amb. Januari 2009
- Nor Hasliza Binti Mohamed. 2012. PENGLIBATAN PELAJAR DALAM PEMBELAJARAN KOPERATIF DI SEKOLAH MENENGAH VOKASIONAL. Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mohd Hasrul Shuhari. Mohd Fauzi Hamat. 2015. *Nilai-Nilai Penting Individu Muslim Menurut Al-Ghazali*. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari. Bil. 4. Hlmn 41-60. Universiti Malaya.
- Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Rezki Perdani Sawai, Mohd Shahrul Faizie Zaini, Allawati Kasri. 2014. Pendekatan Dakwah Melalui ‘Konsep Cinta Muslim’ Dalam Menangani



Masalah Sosial Remaja. Jurnal al-Hikmah 6(2014): 21-34.
<http://journalarticle.ukm.my>
Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf dan Abdul Fatah bin Shahrudin. 2012. *Pendidikan Menurut Al-Quran Dan Sunnah Serta Peranannya Dalam Memperkasakan Tamadun Ummah*.
Jurnal Hadhari Special Edition (2012) 7-22. Universiti Kebangsaan Malaysia.